

K. P.U. 3.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL  
(MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan
4. Permohonan lesen
5. Lesen tidak boleh dipindah milik
6. Fi tidak boleh dibayar balik
7. Deposit
8. Penggantungan atau pembatalan lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Membaharui lesen
11. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
12. Lesen sementara
13. Penyerahan balik lesen

BAHAGIAN III

KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

14. Ukuran pemuatan bilik-bilik hotel
15. Menyediakan bilik mandi dan tandas

---

Undang-undang Kecil

16. Daftaran hendaklah disimpan
17. Penyakit hendaklah dilaporkan
18. Bilik-bilik hendaklah dirawat
19. Kawalan kebersihan dan struktur bangunan
20. Mengadakan tong sampah
21. Bekalan air
22. Pengambilan pekerja
23. Pencegahan kebakaran
24. Kacau ganggu

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

25. Kuasa untuk menyiasat
26. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
27. Penggeledahan
28. Pemeriksaan orang perempuan
29. Penyitaan
30. Pelucuthakkan
31. Pelucuthakkan jika ada pendakwaan
32. Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan
33. Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan
34. Kuasa untuk menutup hotel
35. Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan
36. Halangan, dsb.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

37. Kesalahan oleh pengkhidmat atau ejen
38. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

Undang-undang Kecil

39. Penalti am
40. Pengkompaunan kesalahan
41. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL HOTEL (MAJLIS PERBANDARAN KULIM) 2009**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Kulim dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Kulim) 2009**.
- (2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.
- (3) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulim.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
  - “hotel” ertinya mana-mana premis di mana—
    - (a) orang-orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran; atau
    - (b) bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat berlindung atau menginap itu; atau
    - (c) termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah perenggan 2(cc)) atau motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tetamu;
  - tetapi tidaklah termasuk—
    - (aa) mana-mana premis di mana aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) sedang dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana badan berkanun yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain;

- 
- (bb) mana-mana kemudahan jagaan kesihatan persendirian, pusat jagaan kanak-kanak atau pusat jagaan yang penubuhan atau pengendaliannya dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
  - (cc) mana-mana asrama yang ditubuhkan oleh atau bagi pihak mana-mana institusi pendidikan swasta atau institusi pendidikan tinggi swasta dan dikawal atau dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;
  - (dd) mana-mana premis yang disewakan atas dasar tuan tanah dan penyewa.

“hotel berlesen” ertinya hotel yang diberikan suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil ini, berdasarkan kadar bayaran lesen tahunan hotel seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama;

“lesen” ertinya lesen yang diberikan di bawah undang-undang kecil 4 atau lesen sementara yang diberikan di bawah undang-undang kecil 12;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kulim;

“orang” termasuklah sesuatu kumpulan orang, diperbadankan atau tidak diperbadankan, sesuatu usahasama atau amanah;

“Pegawai Kesihatan” ertinya pegawai yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan seseorang Pegawai Kesihatan sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan dan termasuklah seseorang Penolong Pegawai Kesihatan;

“Pegawai Yang Diberi Kuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepada mereka lesen dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini;

“penghuni” ertinya orang yang menghuni hotel, atau yang bertanggungjawab bagi mengurus atau mengawal premis itu sama ada untuk dirinya sendiri atau sebagai ejen seseorang lain, tetapi tidaklah termasuk penginap;

“penyakit berjangkit” ertinya apa-apa penyakit yang dinyatakan sebagai penyakit berjangkit berbahaya di bawah seksyen 2 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342];

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua, Setiausaha Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Yang Dipertua;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Kulim;

“syarat” atau “sekat”, apabila digunakan berkaitan dengan lesen, ertinya sesuatu syarat atau sekat yang dikenakan di bawah undang-undang kecil 6;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

## BAHAGIAN II

### PELESENAN

#### Larangan

3. (1) Tiada seseorang pun boleh mengendalikan sesuatu hotel melainkan jika dia telah diberi lesen oleh Pihak Berkuasa Melesen berkenaan dengan hotel itu mengikut peruntukan Undang-undang Kecil ini.

(2) Tiada seseorang pun boleh menguruskan sesuatu hotel melainkan jika hotel itu ialah suatu hotel berlesen.

(3) Bagi maksud Undang-undang Kecil ini—

(a) seseorang yang merupakan pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus mana-mana premis yang digunakan sebagai hotel hendaklah, melainkan jika dibuktikannya sebaliknya, disifatkan sebagai mengendalikan hotel itu; dan

(b) mana-mana orang yang pada masa itu terlibat dalam pengurusan atau mengawal hotel itu hendaklah, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai menguruskan hotel itu.

#### Permohonan lesen

4. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan atau memperbaharui lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen yang tertakluk kepada—

(a) pembayaran deposit seperti jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai jaminan untuk memastikan bahawa peruntukan Undang-undang Kecil ini dan syarat lesen dipatuhi;

(b) pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua; dan

(c) apa-apa syarat atau sekat yang dinyatakan di dalamnya.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui tertakluk kepada permohonan pembaharuan yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Melesen dan bayaran lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

#### **Lesen tidak boleh dipindah milik**

5. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

(2) Permohonan untuk memindahmilik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan mana-mana pemohon supaya hadir sendiri atau dalam hal suatu perbadanan atau firma, oleh seorang pengarah, pekerja atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut, semasa permohonan dibuat.

(5) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemegang lesen untuk menyelesaikan sebarang bayaran tertunggak kepada pihak Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

(6) Bayaran pindah milik lesen ialah sebanyak dua puluh peratus daripada bayaran lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Mana-mana permohonan pindah milik lesen hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dibuat dan ianya tidak akan dikembalikan.

#### **Fi tidak boleh dibayar balik**

6. Fi lesen yang telah dibayar di bawah Undang-undang Kecil ini tidak boleh dikembalikan.

#### **Deposit**

7. (1) Deposit yang dibayar di bawah undang-undang kecil 4(4)(a) hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh melupuskan deposit sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat lesen atau sekatan lesen atau pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini.

(3) Lesen adalah terbatas apabila deposit dirampas, melainkan dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dengan permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit yang telah dilupuskan.

(4) Pembayaran deposit di bawah undang-undang kecil 4(4)(a) hendaklah, melainkan dilupuskan menurut perenggan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian premis berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pihak Berkuasa Melesen sekiranya lesen itu tamat.

### **Penggantungan atau pembatalan lesen**

8. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen.

(2) Mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan suatu premis berlesen semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahán.

### **Tempoh sah lesen**

9. (1) Sesuatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa dari sesuatu tempoh yang tidak kurang dari dua belas bulan dari tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

(2) Walau apapun di dalam Undang-undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengeluarkan lesen yang sah berkuat kuasa selama tempoh tidak lebih dari tiga puluh enam bulan dari tarikh kuat kuasa lesen berkenaan.

### **Membaharui lesen**

10. (1) Pihak Berkuasa Melesen boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.

(2) Pihak Berkuasa Melesen boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Majlis sebelum meluluskan permohonan tersebut.

### **Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan**

11. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesen di bawah perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud Undang-undang Kecil ini, sebutan tentang sesuatu lesen hendaklah termasuk salinan lesen itu yang diperakui oleh Pihak Berkuasa Melesen sebagai salinan sebenar lesen itu dan salinan lesen yang diperakui hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran dalam Jadual Kedua.

### **Lesen sementara**

12. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon, sementara menanti keputusan oleh Pihak Berkuasa Melesen ke atas permohonan bagi sesuatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara hendaklah tidak melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(5) Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah dibatalkan apabila permohonan bagi suatu lesen tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini.

### **Penyerahan balik lesen**

13. Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya kepada Pihak Berkuasa Melesen apabila lesen itu telah tamat tempoh, digantung atau dibatalkan.

## BAHAGIAN III

### KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

#### **Ukuran pemuatan bilik-bilik hotel**

14. (1) Pada masa mengeluarkan lesen untuk sesebuah hotel, Pihak Berkuasa Melesen hendaklah memperuntukkan kepada setiap bilik di dalam hotel itu suatu tiket bercetak menunjukkan jumlah orang yang boleh menghuni sebuah bilik di hotel itu.

(2) Jumlah orang hendaklah merujuk kepada isipadu sesebuah bilik, dan di dalam sebuah bilik tidur, ruang udara hendaklah dibenarkan seperti berikut—

- (a) tidak kurang daripada empat ratus kaki padu (11.3 meter padu) bagi setiap orang dewasa; dan
- (b) dua ratus lima puluh kaki padu (7 meter padu) bagi setiap kanak-kanak di bawah umur sebelas tahun;

Dengan syarat pada pengukuran ruang udara itu, tiada ruangan pada ketinggian melebihi dari sepuluh kaki (3 meter) dari lantai bilik itu boleh diambil kira di dalam pertimbangan.

(3) Pemegang lesen hendaklah menyimpan setiap tiket itu dan sesalinan dipamerkan supaya mudah dilihat di dinding bilik di mana ianya diperuntukkan dan tiada penghuni boleh melebihi dari jumlah yang diterangkan di dalam tiket seperti yang telah ditetapkan terhadap bilik itu.

#### **Menyediakan bilik mandi dan tandas**

15. Pihak Berkuasa Melesen tidak boleh memberikan lesen untuk operasi hotel jika ianya tidak berpuas hati bahawa premis tersebut mempunyai—

- (a) kemudahan untuk membasuh dan mandi yang memuaskan untuk tetamu; atau
- (b) tandas yang mencukupi; atau
- (c) struktur bangunan, pencahayaan dan peredaran udara yang baik bagi setiap tandas.

#### **Daftaran hendaklah disimpan**

16. Pemegang lesen hendaklah mendaftarkan butir-butir berikut terhadap semua tetamunya yang menggunakan bilik itu—

- (a) nama, kerakyatan, umur dan jantina;
- (b) tarikh ketibaan dan tarikh berlepas;
- (c) nombor kad pengenalan, pasport dan pengenalan diri yang lain, bidang pekerjaan dan alamat asal tempat tinggal; dan
- (d) butir-butir lain yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Penyakit hendaklah dilaporkan**

17. (1) Pemegang lesen hendaklah melaporkan dengan serta-merta kepada Pihak Berkuasa Melesen dan pihak berkuasa berkenaan kesihatan apabila mengetahui tentang apa-apa penyakit berjangkit yang dihidapi oleh mana-mana tetamunya.

(2) Pemegang lesen atau penghuni hendaklah memberikan bantuan yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan pihak berkuasa berkenaan kesihatan dan hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan berkaitan kesihatan selepas pengesahan penyakit berjangkit di hotel tersebut, termasuklah arahan untuk kuarantine atau perpindahan.

(3) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) dan (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh enam bulan atau kedua-duanya sekali.

#### **Bilik-bilik hendaklah dirawat**

18. Pemegang lesen hotel tidak boleh membenarkan mana-mana orang untuk menyewa mana-mana bilik yang tidak dibasmi kuman sepenuhnya sehingga Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati.

#### **Kawalan kebersihan dan struktur bangunan**

19. (1) Suatu hotel hendaklah berada di dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan hendaklah pada setiap masa mempunyai pencahayaan, peredaran udara yang cukup dan tangga-tangga dipasang dengan pemegang.

(3) Pihak Berkuasa Melesen boleh memberikan kuasa kepada Pegawai Kesihatan secara bertulis untuk memasuki dan memeriksa mana-mana hotel. Pegawai Kesihatan boleh membuat apa-apa cadangan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan boleh mengeluarkan apa-apa arahan atau perintah kepada pemegang lesen berkenaan keadaan kebersihan di hotel tersebut.

(4) Pada bila-bila masa yang sesuai, Pihak Berkuasa Melesen boleh mengarahkan hotel atau sebahagian daripadanya ditutup buat sementara untuk kerja-kerja pembersihan warna atau kapur, mengecat atau apa-apa jua pengubahsuaian struktur yang difikirkan perlu oleh Pihak Berkuasa Melesen.

(5) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan yang dibuat oleh Pegawai Kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan denda tambahan tidak melebihi lima puluh ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan sehingga arahan itu dipatuhi.

#### **Mengadakan tong sampah**

20. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah yang cukup di premisnya.

(2) Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.

(3) Semua sampah-sarap dalam tong sampah hendaklah dibuang menurut cara yang sebagaimana diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari masa ke semasa.

(4) Sampah boleh dipungut oleh Majlis dengan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

#### Bekalan air

21. (1) Bekalan air yang tetap dan mencukupi hendaklah disediakan pada setiap masa di mana-mana premis berlesen dan semua pili air hendaklah disambung terus ke paip air utama dari bekalan air awam.

(2) Permohonan untuk penyambungan bekalan air ke premis berlesen hendaklah dikemukakan mengikut prosedur dan mendapat kelulusan dari pihak berkuasa yang berkenaan.

(3) Tiada bekalan air boleh diambil dari pili atau sumber lain dari dalam tandas atau bilik air.

#### Pengambilan pekerja

22. Pengambilan dan syarat-syarat perjawatan pekerja-pekerja bagi manama-hotel hendaklah memenuhi kehendak-kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta Pekerja 1955 (Akta 265).

#### Pencegahan kebakaran

23. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

(a) kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik;

(b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik; dan

(c) semua tangga, laluan pelantar dan jalan keluar bebas dari segala halangan dan tiap-tiap pintu di dalamnya dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

#### Kacau ganggu

24. Pemegang lesen tidak boleh membuat atau menyebabkan bising yang akan menjadi kacau ganggu semasa menjalankan aktiviti perniagaan.

### BAHAGIAN IV

#### PENGUATKUASAAN

#### Kuasa untuk menyiasat

25. Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

---

### Kuasa untuk masuk dan memeriksa

26. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh pada setiap masa yang munasabah, tanpa waran dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat atau sekatan sesuatu lesen atau peruntukan Undang-undang Kecil ini dipatuhi—

- (a) memasuki mana-mana hotel; dan
- (b) menjalankan apa-apa pemeriksaan di hotel itu.

(2) Jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada sebab untuk mempercayai adanya berlaku suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini di mana-mana hotel, maka orang yang tinggal di dalam atau menjaga tempat itu hendaklah memberitahui Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor itu masuk dengan bebas ke dalamnya, iaitu apabila diminta oleh mana-mana orang yang tersebut itu, dan memberikan segala kemudahan yang munasabah untuk menjalankan penggeledahan di dalamnya.

(3) Jika tidak dapat masuk ke dalam mana-mana hotel mengikut perenggan (2) di atas, maka adalah sah bagi Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, setelah memperkenalkan dirinya dan tujuan kemasukan itu kepada pemegang lesen atau pekerjanya, untuk memasuki ke dalam hotel tanpa waran dan menggeledah tempat itu dan bolehlah memecahkan mana-mana pintu luar atau dalam atau tingkap supaya dapat masuk ke dalamnya.

(4) Apabila mana-mana hotel yang hendak digeledah atau diperiksa di bawah Undang-undang Kecil ini ditutup, maka pemegang lesen, pekerjanya atau orang yang menjaga hotel itu, jika ada, hendaklah atas permintaan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor membuka atau menyebabkan hotel itu dibuka, dan hendaklah memberitahui mana-mana pegawai tersebut masuk apabila diminta olehnya dan hendaklah memberi segala kemudahan yang munasabah bagi menjalankan penggeledahan di dalamnya dan jika hotel itu tidak dapat dimasuki, maka mana-mana pegawai tersebut boleh mengambil tindakan mengikut cara yang diperuntukkan oleh perenggan (3) jika dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan di tempat itu.

### Penggeledahan

27. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; atau

(b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh ditemui di mana-mana premis;

dia boleh melalui waran, membenarkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang dinamakan dalam waran itu, dengan apa-apa bantuan yang diperlukan untuk masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), jika Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

(a) suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecewa;

maka Pihak Berkuasa Melesen, pegawai diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor boleh memasuki tempat itu dan menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan mana-mana premis berlesen itu.

### Pemeriksaan orang perempuan

28. Tiada orang perempuan boleh diperiksa di bawah undang-undang kecil 26 atau 27 kecuali oleh seorang perempuan lain dan pemeriksaan itu hendaklah dijalankan dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan.

### Penyitaan

29. (1) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai Polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menjalankan kuasa di bawah undang-undang kecil 26 atau 27, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis di bawah perenggan (1) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni, atau tuan punya hotel itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di hotel itu.

(3) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah bila mana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(4) Apa-apa benda yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-undang Kecil ini.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara merampas benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Mana-mana orang yang tanpa kuasa yang sah memecahkan, mengganggu atau merosakkan barang rampasan yang disebut dalam perenggan (5) atau memindahkan apa-apa benda yang dirampas atau cuba berbuat demikian adalah melakukan satu kesalahan.

### **Pelucuthakkan**

30. Semua benda yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini boleh dilucuthakkan.

#### **Pelucuthakkan jika ada pendakwaan**

31. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini, maka pelucuthakkan atau pelepasan mana-mana benda sedemikian hanya boleh dibuat menurut perintah mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun yang terkandung di dalam perenggan (1), jika dibuktikan, sehingga mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu;

mahkamah hendaklah melucuthakkan benda itu walaupun tiada seseorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua benda yang dilucuthakkan di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Melesen dan hendaklah dilupuskan menurut arahan Pihak Berkuasa Melesen itu.

#### **Pelucuthakkan jika tiada pendakwaan**

32. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa benda yang telah disita di bawah Undang-undang Kecil ini, maka benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucuthak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu menurut cara yang dinyatakan dalam perenggan (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa benda yang disita di bawah Undang-undang Kecil ini dan bahawa benda itu tidak boleh dilucutahkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen bahawa dia menuntut benda yang disita itu.

(3) Apabila Pihak Berkuasa Melesen menerima notis di bawah perenggan (2) dia boleh mengarahkan supaya benda itu dilepaskan dengan atau tanpa kos atau supaya perkara itu dirujuk kepada seorang Majistret.

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah perenggan (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

(a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya benda yang disita; dan

(b) orang yang daripadanya benda itu disita, hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah perenggan (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam perenggan 4(a) dan 4(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah perenggan (5) berkenaan dengan sesuatu benda, Majistret berpuas hati bahawa—

(a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini telah dilakukan; dan

(b) benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucutahkan benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada benda itu.

#### **Tiada kos atau ganti rugi berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan**

33. Tiada seseorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa benda yang disita pada menjalankan atau yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

### **Kuasa untuk menutup hotel**

34. Tanpa menjaskan perjalanan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang kecil 26 dan 27, Pihak Berkuasa Melesen boleh, dengan serta-merta mengambil langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup hotel jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Undang-undang Kecil ini atau mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau
- (b) penutupan itu adalah perlu untuk kepentingan awam; atau
- (c). lesen tersebut telah diperolehi secara tidak wajar atau menyalahi undang-undang.

### **Majlis tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan**

35. Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa yang menguatkuaskan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini tidak bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kehilangan yang berlaku akibat dari penguatkuasaan sedemikian.

### **Halangan, dsb.**

36. Seseorang yang menyerang, menggalang, menghalang atau melengah-lengahkan Pihak Berkuasa Melesen, pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai yang melaksanakan kewajipannya dengan sah di bawah Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

## **BAHAGIAN V**

### **PELBAGAI**

### **Kesalahan oleh pengkhidmat atau ejen**

37. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan oleh mana-mana pengkhidmat atau ejen mana-mana pemegang lesen, atau oleh mana-mana pengkhidmat atau ejen pemunya atau penghuni sesuatu hotel yang tidak berlesen, maka pemegang lesen, pemunya atau penghuni itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu melainkan jika, setelah mengambil kira segala hal keadaan, dia membuktikan—

- (a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, keizinan atau ketinggalannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan usaha yang wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu.

### Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

38. Jika sesuatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang ahli lembaga pengarah, seorang pengurus, seorang setiausaha atau seorang pegawai yang memegang suatu jawatan atau suatu kedudukan yang serupa dengan jawatan pengurus atau setiausaha pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan telah juga melakukan kesalahan itu dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman yang sama dengan hukuman yang boleh dikenakan ke atas pertubuhan perbadanan itu di bawah Undang-undang Kecil ini.

### Penalti am

39. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

### Pengkompaunan kesalahan

40. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi lima ratus ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan tidak dibayar lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha atau pegawai-pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan yang sama hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

### Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

41. (1) Majlis boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini.

- (2) Tanpa menjelaskan kluasan perenggan (1), peraturan-peraturan itu boleh—
- (a) mengadakan peruntukan bagi tatacara pelesenan hotel, penggantungan dan pembatalan lesen yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil ini, borang yang digunakan dan apa-apa bayaran yang perlu dijelaskan;
  - (b) mengawal selia pengurusan dan kawalan hotel berlesen;
  - (c) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran orang yang menginap di hotel berlesen dan pelawat di dalam bilik mereka, perkhidmatan dan ejen hotel berlesen;
  - (d) menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan itu;
  - (e) mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan hotel berlesen dan kebersihan serta kesihatan; dan
  - (f) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang difikirkan suai manfaat atau perlu oleh Yang Dipertua bagi maksud Undang-undang Kecil.

#### JADUAL PERTAMA

[undang-undang kecil 4(4)(b)]

#### KADAR BAYARAN LESEN TAHUNAN HOTEL

##### 1. Hotel 5 Bintang dan Hotel Apartment 5 Bintang

Jumlah Bilik	Jumlah Bayaran (RM) (tidak melebihi)
20 bilik ke bawah	700.00
21 hingga 40 bilik	1,400.00
41 hingga 60 bilik	2,100.00
61 hingga 80 bilik	2,800.00
81 hingga 100 bilik	3,500.00
101 hingga 150 bilik	4,200.00
151 hingga 200 bilik	4,900.00

Jumlah Bilik (tidak melebihi)	Jumlah Bayaran (RM)
201 hingga 250 bilik	5,600.00
251 hingga 300 bilik	6,300.00
301 hingga 350 bilik	7,000.00
351 hingga 400 bilik	7,700.00
401 hingga 500 bilik	8,400.00
Melebihi 501 bilik	9,000.00
<b>2. Hotel 4 Bintang dan Hotel Apartment 4 Bintang</b>	
20 bilik ke bawah	500.00
21 hingga 40 bilik	1,000.00
41 hingga 60 bilik	1,500.00
61 hingga 80 bilik	2,000.00
81 hingga 100 bilik	2,500.00
101 hingga 150 bilik	3,000.00
151 hingga 200 bilik	3,500.00
201 hingga 250 bilik	4,000.00
251 hingga 300 bilik	4,500.00
301 hingga 350 bilik	5,000.00
351 hingga 400 bilik	5,500.00
401 hingga 500 bilik	6,000.00
Melebihi 501 bilik	6,500.00
<b>3. Hotel 3 Bintang dan Hotel Apartment 3 Bintang</b>	
20 bilik ke bawah	400.00
21 hingga 30 bilik	500.00
31 hingga 40 bilik	700.00

Jumlah Bilik (tidak melebihi)	Jumlah Bayaran (RM)
41 hingga 50 bilik	800.00
51 hingga 60 bilik	9000.00
61 hingga 70 bilik	1,000.00
71 hingga 80 bilik	1,100.00
81 hingga 90 bilik	1,200.00
91 hingga 100 bilik	1,300.00
Daripada 101 bilik ke atas	1,500.00
<b>4. Hotel 1 &amp; 2 Bintang dan 1 hingga 3 Orkid</b>	
20 bilik ke bawah	250.00
21 hingga 30 bilik	300.00
31 hingga 40 bilik	450.00
41 hingga 50 bilik	500.00
Daripada 51 bilik ke atas	600.00

**JADUAL KEDUA**

[undang-undang kecil 4(3)]

**FI PEMPROSESAN LESEN**

(a) Borang:	RM5.00
(b) Fi pemprosesan:	RM50.00

[undang-undang kecil 11(3)]

**FI SALINAN LESEN DIPERAKUI**

(a) Fi pemprosesan:	RM50.00
	[undang-undang kecil 5(7)]

**FI PEMPROSESAN PINDAH MILIK LESEN**

(a) Salinan lesen:	RM50.00
--------------------	---------

## JADUAL KETIGA

[undang-undang kecil 4(4)(b)]

AKTIVITI-AKTIVITI PERNIAGAAN BERDASARKAN  
TARAF BINTANG SESEBUAH HOTEL

## HOTEL

- (i) 5 Bintang
  - (a) Hotel/Rumah Tumpangan
  - (b) Bar
  - (c) Lounge
  - (d) Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
  - (e) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
  - (f) Restoran/coffee house
  - (g) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
  - (h) Tempat letak kereta
  - (i) Dobi
  - (j) Health club/gymnasium/sauna/kemudahan outdoor dan indoor
  - (k) Salon kecantikan
  - (l) Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
  - (m) Iklan
  
- (ii) 4 Bintang
  - (a) Hotel/Rumah Tumpangan
  - (b) Bar
  - (c) Lounge
  - (d) Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
  - (e) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
  - (f) Restoran/coffee house
  - (g) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
  - (h) Tempat letak kereta
  - (i) Dobi
  - (j) Health club/gymnasium/sauna/kemudahan outdoor dan indoor
  - (k) Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
  - (l) Iklan

(iii) 3 Bintang

- (a) Hotel/Rumah Tumpangan
- (b) Bar
- (c) Lounge
- (d) Restoran/coffee house
- (e) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
- (f) Tempat letak kereta
- (g) Dobi
- (h) Kedai menjual surat khabar, buku dan poskad
- (i) Iklan

(iv) 2 Bintang

- (a) Hotel/Rumah Tumpangan
- (b) Aktiviti pementasan
- (c) Tempat Letak Kereta
- (d) Dobi
- (e) Iklan

(v) 1 Bintang

- (a) Hotel/Rumah Tumpangan
- (b) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
- (c) Tempat Letak Kereta
- (d) Iklan

(vi) 1 Hingga 3 Orkid

- (a) Hotel/Rumah Tumpangan
- (b) Tempat Letak Kereta
- (c) Iklan

Hotel Apartment

(i) 5 Bintang

- (a) Hotel/Rumah Tumpangan
- (b) Bar
- (c) Lounge
- (d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan

- (e) Restoran/coffee house
- (f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- (g) Tempat letak kereta
- (h) Dobi
- (i) Health club/gymnasium/sauna/kemudahan outdoor dan indoor
- (j) Iklan
  
- (ii) 4 Bintang
  - (a) Hotel/Rumah Tumpangan
  - (b) Bar
  - (c) Lounge
  - (d) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
  - (e) Restoran/coffee house
  - (f) Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
  - (g) Tempat letak kereta
  - (h) Dobi
  - (i) Iklan
  
- (iii) 3 Bintang
  - (a) Hotel/Rumah Tumpangan
  - (b) Aktiviti pementasan/persembahan hiburan
  - (c) Tempat letak kereta
  - (d) Dobi
  - (e) Iklan

Dibuat pada 12 April 2009  
 [MPKK.BUU.008002/SP UUKPBTNK/132]

*Yang Dipertua  
 Majlis Perbandaran Kulim*

Bertarikh 21 Oktober 2009  
 [PSU(K): 98/1396 Jld. 9 SK. 25]

*ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN, A.M.K., B.C.K.  
 Setiausaha  
 Majlis Mesyuarat Kerajaan  
 Kedah Darul Aman*